



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**NELAYAN (E.1-2-3 EB.4)
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**NELAYAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Keutamaan adalah bagi calon **Lelaki**.

3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

4. Hendaklah berumur tidak melebihi dari 40 tahun.

5. Hendaklah mempunyai kemahuan yang kuat untuk belajar cara menggunakan perkakas dan teknik-teknik menangkap ikan yang moden.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu dalam melaksanakan projek-projek yang dikendalikan oleh Divisyen dan Seksyen;
2. Melaksanakan pengambilan sampel air di semua stesen-stesen yang telah ditetapkan;
3. Membantu dalam membuat penyediaan ke atas alat-alat menyelam (*Diving Equipment*) semasa aktiviti menyelam;
4. Membantu dalam penganalisan sampel dan penilaian data-data bagi program *stock assessment* seperti identifikasi spesis ikan / udang / ketam, sukatan panjang dan berat setiap sampel ikan;
5. Membantu dalam pengambilan dan penyusunan data-data Analisa *stock assessment*; dan
6. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Divisyen dan Ketua Seksyen serta Pegawai-Pegawai atasan dari semasa ke semasa.